



PKNS
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)

KENYATAAN PRA KELAYAKAN

TAJUK: PERUNDING BERDAFTAR PKNS BAGI SESI 2026-2027

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor mempelawa **Firma-Firma Perunding** yang berminat dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** menyertai Pra Kelayakan Perunding untuk berdaftar sebagai Perunding PKNS bagi sesi 2026-2027 mengikut Kod Bidang masing-masing. Kod Bidang adalah seperti berikut:-

KOD BIDANG PERUNDING FIZIKAL	KOD BIDANG PERUNDING BUKAN FIZIKAL
i) 330101 – Kejuruteraan Awam	i) 340104 – Kajian Kemasyarakatan • Penilaian Impak Sosial (SIA)
ii) 330102 – Kejuruteraan Struktur	ii) 340105 – Kajian Pemasaran Dan Penyelidikan
iii) 330103 – Kejuruteraan Elektrik	iii) 340202 – Kajian Trafik • Penilaian Kesan Lalulintas (TIA) • Audit Keselamatan Jalan Raya (RSA)
iv) 330104 – Kejuruteraan Mekanikal	iv) 340401 – Kajian Kewangan
v) 330201 – Arkitek	v) 340402 – Kajian Percukaian
vi) 330202 – Ukur Bahan	vi) 340403 – Penilaian Harta/Hartanah
vii) 330203 – Ukur Tanah	vii) 340404 – Kajian Pelaburan
viii) 330204 – Hiasan Dalaman	
ix) 330205 – Arkitek Landskap	
x) 330206 – Perancang Bandar dan Wilayah	
xi) 330207 – Kajian Alam Sekitar	

Kod bidang yang dinyatakan hendaklah sama berdasarkan Senarai Kod Bidang Pendaftaran Firma Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Syarat-Syarat Kelayakan Syarikat:-

- Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) : Firma hendaklah **WAJIB** berdaftar dengan KKM dalam bidang yang dinyatakan di atas.
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) : Sijil Pendaftaran Syarikat **WAJIB** disertakan.
- Lembaga Profesional : Sijil Pendaftaran Lembaga **WAJIB** disertakan.
- Terbuka hanya kepada firma-firma yang **BERIBUPEJABAT/BERDAFTAR** di alamat di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Kuala Lumpur atau yang mempunyai **CAWANGAN** di Selangor dan Kuala Lumpur juga dipelawa untuk turut serta.

Tempat untuk mendapatkan Dokumen : **Bahagian Perolehan**, Tingkat 2, Blok D, Bangunan Ibu Pejabat PKNS, No. 2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.

Tarikh untuk mendapatkan Dokumen : **13 Oktober 2025 – 24 Oktober 2025**
Jam 9.00 Pagi hingga 3.30 Petang

Bayaran Dokumen Pra Kelayakan : **RM50.00 (Kad Debit atau Kad Kredit) bagi setiap satu (1) Kod Bidang** (tidak akan dikembalikan). Bayaran hendaklah dibuat di Kaunter Kewangan PKNS, Aras Bawah, Blok B, Bangunan Ibu Pejabat PKNS.

Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Sijil Lembaga Profesional yang Asal (Wajib Dibawa)** dan **Satu Salinan** bagi setiap kod bidang yang ingin dibeli.

Dokumen akan dikeluarkan kepada syarikat atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak syarikat ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa yang asal.

Dokumen Pra Kelayakan Perunding Berdaftar PKNS yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan dicatat dengan jelas **'Pra-Kelayakan Perunding Berdaftar PKNS 2026-2027'** berserta **Kod Bidang** berkaitan di sebelah kiri atas sampul serta dimasukkan ke dalam peti seperti di alamat di atas.

Dokumen Pra Kelayakan Perunding Berdaftar PKNS yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup akan **DITOLAK**.

Hanya Firma yang **LULUS** Penilaian Pra Kelayakan Perunding akan dimaklumkan dan didaftarkan sebagai Perunding Berdaftar PKNS.

Tarikh Tutup Penyerahan

Sebelum : **27 Oktober 2025**

Jam 12.00 Tengah hari

- 330201 – Arkitek
- 330202 – Ukur Bahan
- 330204 – Hiasan Dalaman
- 330205 – Arkitek Landskap

28 Oktober 2025

- 330101 – Kejuruteraan Awam
- 330102 – Kejuruteraan Struktur
- 330206 – Perancang Bandar dan Wilayah
- 330207 – Kajian Alam Sekitar

30 Oktober 2025

- 330103 – Kejuruteraan Elektrik
- 330104 – Kejuruteraan Mekanikal
- 330203 – Ukur Tanah

31 Oktober 2025

- KESEMUA** Kod Bidang Perunding Bukan Fizikal

Tempat Untuk Mengemukakan Dokumen

BAHAGIAN PEROLEHAN,
Tingkat 2, Blok D,
Bangunan Ibu Pejabat PKNS,
No. 2, Jalan Indah 14/8,
Seksyen 14, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

JASLIZA BINTI JALAL
Pengurus Perolehan
Bahagian Perolehan
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor